

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN ZAIRIL KHIR JOHARI
[BUKIT BENDERA]**

TARIKH : 17 MAC 2015 [SELASA]

SOALAN : Tuan Zairil Khir Johari [Bukit Bendera] minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan sama ada daging kerbau boleh diklasifikasikan sebagai daging "lembu" bagi tujuan penjualan kepada pengguna.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Dewan Yang Mulia ini, daging lembu yang dijual di pasaran domestik khususnya di pasaraya-pasaraya adalah daging kerbau yang diimport dari India yang membekalkan 70% atau sejumlah 138,573 metrik tan daging Negara. Jumlah keperluan daging setahun adalah sebanyak 195,753 metrik tan.

Daging ini biasanya dihasilkan dari kerbau tenusu yang tidak lagi produktif atau mengeluarkan susu dan selalunya yang telah berusia melebihi 5 tahun.

Daging kerbau berkenaan adalah lebih liat dan mengandungi kualiti khasiat yang jauh lebih rendah dari daging lembu yang dihasilkan khusus untuk penghasilan daging.

Daging kerbau sejuk beku yang dipasarkan di pasaraya adalah dilabelkan sebagai *buffalo meat* dan bukan sebagai daging lembu segar.